

Headline	Kaji cadangan perkenal dua caj elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	10
ArticleSize	267 cm ²	Journalist	Shahrizan Salian
PR Value	RM 27,015		



Kaji cadangan perkenal dua caj elektrik

» Antara inisiatif tambahan wujud guna tenaga lebih cekap

Oleh Shahrizan Salian
Kuala Lumpur

Kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk memperkenalkan caj elektrik pengguna domestik pada dua peringkat harga iaitu penggunaan pada waktu puncak dan bukan puncak.

Ketua Eksekutif MyPOWER Corporation, Datuk Abdul Razak Abdul Majid, berkata cadangan itu adalah antara inisiatif pembaharuan sedang dibincangkan antara Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi menjamin penggunaan tenaga secara lebih cekap pada masa panjang.

Bukan waktu terdekat

“Cadangan itu adalah antara perkara tambahan yang sedang diambil kira (untuk pembaharuan dasar kecekapan tenaga jangka panjang), namun ia bukanlah untuk masa terdekat ini.

“Berikan lebih masa kepada Suruhanjaya Tenaga dan TNB untuk merangka cadangan berkenaan,” katanya kepada media selepas menjadi ahli panel perbincangan industri bertajuk ‘Sebuah Negara Cekap Tenaga: Siapa Yang Membayar?’ anjuran Unit Penyampaian Dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU) di sini, semalam.

Difahamkan, menerusi sistem pembahagian berkenaan, pengguna akan dikenakan kadar tarif

yang lebih tinggi pada waktu puncak berbanding waktu bukan puncak.

Di beberapa negara yang mengamalkan sistem itu, waktu puncak biasanya bermula daripada jam 6.00 pagi sehingga 10.00 malam dan pengguna dinasihatkan menggunakan tenaga elektrik di luar waktu berkenaan.

Sesetengah negara yang melaksanakan pendekatan berkenaan juga menggalakkan penggunaan tenaga elektrik domestik pada hujung minggu.

Jika menjadi kenyataan, penyata bil elektrik yang diterima pengguna akan menerangkan kadar penggunaan tenaga mengikut tempoh penggunaan waktu puncak dan bukan puncak.

Mengulas lanjut, Abdul Razak berkata, cadangan yang sedang ditimbang oleh Suruhanjaya

Tenaga dan TNB itu berkemungkinan besar akan dilaksanakan menjejaki amalan sama yang dinikmati sesetengah industri pada masa ini.

“Industri berskala tinggi sudah pun menikmati kadar penggunaan waktu bukan puncak, namun ia masih belum memihak kepada kumpulan pengguna rendah (termasuk pengguna domestik),” katanya.

Belum terima perincian

Mengenai mekanisme pelaksanaannya kelak, beliau berkata pihaknya masih belum menerima

perincian lanjut berhubungnya, namun terdapat kemungkinan akan berlaku perubahan dari segi penggunaan meter pintar.

“Sistem sedemikian tidak dapat disediakan dalam tempoh yang terdekat, namun apabila industri lebih berkembang pada masa depan, kita boleh memperkenalkannya seperti di negara lain,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Razak berkata sebarang semakan semula tarif elektrik masih belum dimuktamadkan kerana kerajaan dan pihak berkepentingan masih mempertimbangkan semua asas yang berkaitan dengannya.

“Cadangan itu adalah antara perkara tambahan yang sedang diambil kira (untuk pembaharuan dasar kecekapan tenaga jangka panjang), namun ia bukanlah untuk masa terdekat ini”

Abdul Razak Abdul Majid,
Ketua Eksekutif MyPOWER Corporation

Headline	Kaji cadangan perkenal dua caj elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	10
ArticleSize	267 cm ²	Journalist	Shahrizan Salian
PR Value	RM 27,015		

